

Pengarang : Rozzalin Hashim

Akhbar : Utusan Borneo

Tarikh : 29 Januari 2010

Bahasa : Melayu

Subjek : Medicines

Mukasurat : 8



# Poliklinik UMS sedia perkhidmatan terbaik

8/10/29-01-10

Oleh ROZZALIN HASHIM

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi sekolah perubatannya sentiasa berusaha untuk memberi tumpuan khusus dalam penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada pelajar dan kakitangan UMS serta orang awam.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj Ampon, berkata kewujudan Poliklinik UMS adalah selaras dengan tekad kerajaan untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di kawasan setempat.

Katanya, pembinaan poliklinik itu dijangka dapat memberikan perkhidmatan kesihatan melibatkan kawasan Kingfisher, Kampung Bangka-Bangka dan sekitar Sepanggar.

"Difahamkan, kawasan Sepanggar tiada klinik kesihatan kerajaan selain daripada Klinik Kesihatan Kecil di Kampung Likas. Pembinaan poliklinik tersebut memberi banyak manfaat kepada penduduk setempat," katanya semasa menyempurnakan perasmian Poliklinik UMS di Riverside Plaza, Kingfisher, di sini, kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan Sekolah Perubatan UMS, Prof. Dr. Osman Ali.

Dr. Kamaruzaman

"Kewujudan Poliklinik UMS selaras dengan tekad kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di kawasan setempat."

**Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Haji Ampon,**  
Naib Canselor UMS



**RASMI ... Dr. Osman memotong riben sebagai tanda rasminya Poliklinik UMS kelmarin.**

memberitahu bahawa Poliklinik UMS merupakan sebuah klinik alternatif kepada pelajar di universiti tersebut selain daripada Pusat Rawatan Warga UMS yang hanya beroperasi pada waktu pejabat sahaja.

Tetapi, jelasnya, dengan kewujudan poliklinik berkenaan ia akan dapat mencapai hasrat UMS untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk

semua.

Dalam hubungan itu, beliau menyeru semua pihak agar menyumbang idea dan tenaga ke arah memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik.

"Dengan usaha tekun dan azam kalian ... saya menaruh keyakinan bahawa hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan masyarakatnya yang sihat dan

produktif akan tercapai selari dengan aspirasi '1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'," kata Dr. kamaruzaman.